


Oleh Presiden Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



# Kegembiraan Bagi Orang Yang Kita Kasih

**K**ita semua inginkan kegembiraan bagi orang yang kita kasih, dan kita inginkan sesedikit kepahitan yang semungkin bagi mereka. Semasa kita baca cerita mengenai kegembiraan—dan kepahitan—dalam Kitab Mormon, hati kita tersentuh semasa kita fikir tentang orang yang kita kasih. Berikut ialah satu cerita benar mengenai kegembiraan:

“Dan terjadilah bahawa tidak ada pertikaian di negeri itu, kerana kasih Tuhan yang berada di dalam hati bangsa itu.

“Dan tidak ada kedengkian, dan juga pertikaian, dan juga pergaduhan, dan juga pelacuran, dan juga dusta, dan juga pembunuhan, dan juga pelbagai jenis kegasangan nafsu apa pun; dan sudah pastinya tidak terdapat orang yang lebih bahagia di kalangan semua orang yang telah diciptakan oleh tangan Tuhan.”

Kemudian kita baca:

“Dan betapa diberkatinya mereka! Kerana Tuhan memberkati mereka dalam segala perbuatan mereka; ya, bahkan mereka diberkati dan dimakmurkan sehingga seratus sepuluh tahun telah berlalu; dan generasi pertama sejak Kristus telah meninggal dunia, dan tidak ada pertikaian di atas seluruh negeri tersebut” (4 Nefi 1:15–16, 18).

Pengikut Kristus yang penyayang berdoa dan berusaha demi berkat-berkat tersebut bagi orang lain dan bagi diri sendiri. Dari cerita-cerita Kitab Mormon dan, bagi kebanyakan kita, dari pengalaman diri sendiri, kita tahu bahawa kurnia kegembiraan boleh dicapai. Kita tahu bahawa

jalan ke kegembiraan ditanda dengan jelas. Kita juga tahu bahawa untuk mengekalkan kegembiraan adalah tidak mudah kecuali, “kasih sayang Tuhan” berada dalam hati kita, seperti bangsa Nefi selepas kunjungan Juruselamat.

Kasih sayang itu berada dalam hati bangsa Nefi kerana mereka mematuhi hukum yang membolehkan itu terjadi. Ringkasan hukum itu didapati dalam doa sakramen, yang bermula dengan satu rayuan yang tulus ikhlas kepada Bapa Syurgawi kita yang penyayang. Kita berdoa dengan hati penuh beriman, dan dengan satu kasih sayang yang mendalam kepada Juruselamat peribadi kita. Kita membuat komitmen dengan niat benar untuk mengambil ke atas diri nama-Nya, untuk mengingati-Nya, dan untuk mematuhi semua perintah-Nya. Dan akhirnya, kita beriman bahawa Roh Kudus, ahli ketiga Kesatuan Ketuhanan, akan bersama kita selalunya, bersaksi kepada kita tentang Bapa dan Putera-Nya. (Lihat A&P 20:77, 79.)

Dengan temanan Roh Kudus, hati kita boleh ubah supaya kita inginkan dan mengalu-alukan kasih sayang Bapa Syurgawi dan Tuhan Yesus Kristus. Cara untuk memperoleh kasih sayang Tuhan dalam hati kita adalah senang, begitu juga cara untuk menghilangkan kasih sayang itu dalam hati kita. Sebagai contoh, seseorang boleh memilih untuk kurang berdoa kepada Bapa Syurgawi atau tidak bayar persepuluhan yang penuh atau henti mengaji firman Tuhan atau tidak mempedulikan orang yang miskin dan yang berkeperluan.

Apa pun pilihan untuk tidak mematuhi perintah Tuhan boleh mengakibatkan Roh menarik balik dari hati kita. Dengan kehilangan ini, kegembiraan juga hilang.

Kegembiraan yang kita inginkan bagi orang yang kita kasihi bergantung pada pilihan mereka. Walau betapa banyak kita menyayangi seorang kanak-kanak, seorang penyelidik, atau rakan kita, kita tidak boleh memaksa mereka untuk mematuhi perintah supaya mereka boleh berkelayakan Roh Kudus untuk menyentuh dan mengubah hati mereka.

Jadi, cara yang paling baik untuk menolong ialah perkara yang membimbing orang yang kita kasihi untuk membuat pilihan dengan berhati-hati. Alma buat demikian dengan satu jemputan yang boleh kamu berikan:

“Tetapi bahawa kamu akan merendahkan hatimu di hadapan Tuhan, dan memanggil nama kudus-Nya, dan berjaga dan berdoa secara berterusan, agar kamu tidak digoda melebihi apa yang dapat kamu tanggung, dan dengan demikian dituntun oleh Roh Kudus, menjadi rendah hati, lembut hati, peserah, sabar, penuh dengan kasih dan segala panjang sabar;

“Memiliki iman kepada Tuhan; mempunyai harapan bahawa kamu akan menerima kehidupan abadi; memiliki kasih Tuhan selalu dalam hatimu, agar kamu boleh diangkat pada hari terakhir dan masuk ke dalam peristirahatan-Nya” (Alma 13:28–29).

Saya berdoa semoga orang yang kamu kasihi akan menerima jemputan yang terilham untuk memilih jalan terhadap kegembiraan kekal.

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring mengajar bahawa kegembiraan yang kita rasa dalam kehidupan bergantung pada keputusan yang kita buat. Semasa kamu berbincang tentang pesanan ini, menimbang untuk berfokus pada perkara-perkara yang disebut oleh Presiden Eyring yang boleh kita lakukan (seperti berdoa, berusaha, beriman, dan buat komitmen kepada diri sendiri dengan niat benar) untuk membimbing kita ke jalan kegembiraan. Kamu boleh jemput orang yang kamu ajar untuk tuliskan dua atau tiga tindakan yang mereka ingin ambil yang boleh mengarah mereka ke “jalan terhadap kegembiraan kekal.”

## REMAJA

### Tindakan-tindakan Yang Membimbing Ke Kegembiraan

Presiden Eyring mengajar bahawa “kegembiraan yang kita inginkan bagi orang yang kita kasihi bergantung pada pilihan mereka.”

Kamu boleh baca tentang kesan pilihan dari contoh-contoh Nefi, Laman, dan Lemuel. Laman dan Lemuel merungut dan tidak hendak mematuhi perintah (lihat 1 Nefi 2:12). Sebagai akibat, mereka dan keturunan mereka dihukum dan disingkirkan dari kehadiran Tuhan (lihat 2 Nefi 5:20–24). Nefi pilih untuk mematuhi perintah (lihat 1 Nefi 3:7), dan sebab itu, dia dan bangsanya “hidup menurut cara kegembiraan” (2 Nefi 5:27).

Kamu boleh pilih untuk hidup secara soleh dan gembira. Tetapi orang di keliling kamu mungkin masih buat pilihan yang buruk yang mendatangkan kesengsaraan atau ketidakselesaian. Walaupun itu keputusan mereka, teladan kamu boleh mempengaruhi mereka untuk membuat pilihan baik. Bagaimana pilihan kamu boleh mendatangkan kegembiraan kepada orang lain? Berbincang bersama keluarga kamu cara-cara kamu boleh mempengaruhi orang di keliling kamu secara positif dan menolong mereka untuk merasa kegembiraan.

## KANAK-KANAK

### Cabaran Kebaikan Hati

Apabila Yesus mengunjungi orang di Amerika, Dia mengajar mereka untuk mengasihi satu sama lain dan untuk berbaik hati. Apa yang boleh kamu lakukan untuk mengikut Yesus dan untuk mengasihi orang lain? Berikut ialah beberapa contoh. Tandakan setiap cabaran selepas kamu lakukan ia.

- Saya boleh memeluk orang yang sedih.
- Saya boleh melayan secara rahsia.
- Saya boleh baca atau tonton satu ucapan persidangan tentang kebaikan hati.
- Saya boleh nyanyikan satu lagu Sekolah Primer bagi keluarga saya.
- Saya boleh senyum kepada seorang yang nampaknya sunyi.
- Saya boleh \_\_\_\_\_.
- Saya boleh \_\_\_\_\_.



Iman, Keluarga,  
Pertolongan

# Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia

*Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimana pemahaman ajaran tentang keluarga membeberkat orang yang kamu jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

Pada pertemuan umum Lembaga Pertolongan 1995, apabila Presiden Gordon B. Hinckley (1910–2008) baca buat pertama kali “Keluarga: Satu Perisytiharan Kepada Dunia,” Bonnie L. O’Carson, presiden umum Remaja Puteri, kata: “Kita bersyukur kepada dan menghargai kejelasan, kesenangan, dan kebenaran dari dokumen yang diwahyu ini. . . . Perisytiharan mengenai keluarga ini menjadi tanda aras kita untuk menghakim falsafah dunia, dan saya bersaksi bahawa prinsip-prinsip yang ditetapkan . . . adalah benar hari ini seperti pada masa ia diberikan oleh seorang nabi Tuhan hampir 20 tahun dahulu.”<sup>1</sup>

“Dari perisytiharan keluarga,” tambah Carole M. Stephens, penasihat pertama dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan, “kita belajar bahawa, ‘Di dalam pra-fana, anak-anak rohani lelaki dan perempuan mengenali dan menyembah Tuhan sebagai Bapa Abadi mereka’<sup>2</sup>. . .

“. . . Kita masing-masing memiliki dan diperlukan dalam keluarga Tuhan.”<sup>3</sup>

Kita hidup pada zaman apabila ibu bapa mesti melindungi rumah dan keluarga mereka. “Keluarga: Satu Perisytiharan Kepada Dunia” boleh membimbing kita.

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

Mosia 8:16–17;

Ajaran dan Perjanjian 1:38

## **Kisah Benar**

“Lee Mei Chen Ho dari Bahagian Ketiga Tao Yuan, Pancang Tao Yuan Taiwan, kata bahawa perisytiharan ini mengajar dia bahawa perhubungan keluarga menolong untuk mengembangkan sifat-sifat ilahi seperti iman, kesabaran, dan kasih sayang. ‘Apabila saya cuba untuk memperbaiki diri sendiri mengikuti perisytiharan ini, saya boleh mencapai kegembiraan yang benar,’ dia kata.”<sup>4</sup>

Barbara Thompson, yang dalam hadirannya apabila perisytiharan itu dibaca buat kali pertama dan kemudian melayan sebagai penasihat dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan, kata: “Saya fikir buat segenap masa bahawa [perisytiharan

keluarga] tidak berkaitan dengan saya kerana saya belum kahwin dan tidak beranak. Tetapi dengan segeranya saya fikir, ‘Tetapi ia berkaitan dengan saya. Saya seorang ahli satu keluarga. Saya seorang anak perempuan, seorang saudara, seorang macik, seorang sepupu, seorang anak saudara, dan seorang cucu. . . . Walaupun hanya saya masih hidup dalam keluarga saya, saya masih seorang ahli dalam keluarga Tuhan.’”<sup>5</sup>

## **NOTA-NOTA**

1. Bonnie L. O’Carson, “Defenders of the Family Proclamation,” *Liahona*, Mei 2015, 14–15.
2. “Keluarga: Satu Perisytiharan kepada Dunia,” *Liahona*, Nov. 2010, 129.
3. Carole M. Stephens, “The Family Is of God,” *Liahona*, Mei 2015, 11.
4. Nicole Seymour, “The Family: A Proclamation to the World’ reaches 10-Year Milestone,” *Liahona*, Nov. 2005, 127.
5. Barbara Thompson, dalam *Daughters in My Kingdom: The History and Work of Relief Society* (2011), 148.

## **Pertimbangkan Ini**

Bagaimana “Keluarga: Satu Perisytiharan Kepada Dunia” satu dokumen bagi zaman kita?